

03 APR 1996

Salleh - Pindaan

PINDAAN PERLEMBAGAAN SABAH DIBENTANG BULAN INI

KOTA KINABALU, 3 April (Bernama) -- Cadangan pindaan Perlembagaan Sabah akan dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 25 dan 26 April ini, kata Ketua Menteri Datuk Salleh Said.

Beliau berkata, Peguam Besar Negeri, Datuk Stephen Foo sudah pun menyiapkan draf pindaan itu yang bertujuan antara lain menghadkan kuasa pentadbiran Ketua Menteri.

"Kabinet negeri yang bermesyuarat hari ini bersetuju mengenai perkara itu selepas beberapa pandangan dikemukakan terhadap draf pindaan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kabinet di sini hari ini.

Salleh juga berkata teras pindaan itu ialah untuk mengukuhkan sistem kabinet negeri, yang menekankan kepada keputusan secara kolektif dan menghadkan kuasa pentadbiran Ketua Menteri yang dikatakan terlalu luas.

Katanya, pindaan itu juga mengambil kira pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut skop pindaan yang akan dibuat terhadap perlembagaan negeri.

Salleh juga berkata Yayasan Sabah telah melaksanakan hampir kesemua saranan bagi penyusunan semula badan berkanun negeri itu.

Ketika ditanya sama ada laporan audit Price Waterhouse akan dihebahkan kepada umum seperti dijanjikan sebelum ini, Salleh berkata sebahagian laporan itu telahpun dihebahkan kepada umum.

Berhubung kes penyeludupan senjata dari Sabah ke Taiwan oleh Perunding Pelaburan Negeri, Datuk Alfred Chin, Salleh berkata penguatkuasaan perlu ditingkatkan.

"Pihak protokol harus memastikan hanya orang kenamaan tersenarai dibenarkan menggunakan Bilik Kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu," katanya.

-- BERNAMA

KG FAZ